

**DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
DI NEGERI MELAKA**

KES RAYUAN MAL : 04500-010-0004-2012

DI ANTARA

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

PERAYU(1)

DENGAN

XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

PERAYU(2)

DIWAKILI PEGUAM ROSFINAH DRP.

TETUAN ROSFINAH.

DIHADAPAN Y.A OTHMAN BIN IBRAHIM

HAKIM MAHKAMAH TINGGI KANAN

MAHKAMAH SYARIAH MELAKA/

(ALASAN PENGHAKIMAN)

Fakta kes perayu.

Perayu-perayu telah berkahwin pada 7.April 2005 di Wilayah Narathiwat, Thailand seperti tercatat didalam surat nikah bil: No 079740319/54 dan juga surat bil; 5402908 yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Agama Islam berkenaan.

Perayu-perayu telah memfailkan permohonan untuk mengesahkan perkahwinan mereka dengan alasan telah memenuhi syarat dan rukun

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

nikah yang membolehkan mahkamah mengesahkan perkahwinan pasangan ini.

Pada perbicaraan di Mahkamah Rendah Daerah Jasin telah membuat perintah seperti berikut;-

- 1.Mahkamah menolak permohonan pemohon untuk mengesahkan pernikahannya kerana wali am tidak bertaualiah di Daerah yang berkaitan maka mahkamah dengan ini menutup kes.
- 2.Pihak-pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan ini bolehlah mengemukakan rayuan dalam masa 14 hari setelah keputusan dibacakan.

Pihak perayu-perayu tidak mengemukakan rayuan di dalam masa yang telah ditetapkan dan telah memfailkan satu permohonan untuk melanjutkan tempoh untuk merayu dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka telah meluluskan permohonan tersebut.

Pada 1 Ogos 2012 barulah difailkan kes untuk rayuan sebenar kes setelah Mahkamah Tinggi Syariah Melaka membenarkan tempoh lanjutan untuk pihak-pihak memfailkan rayuan.

Pihak perayu-perayu yang telah diwakili peguam Rosfinah telah memfailkan rayuan atas alasan seperti berikut;-

- 1.Hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambilkira keterangan saksi 1 iaitu bapa perayu 2, XXXXXX bahawa beliau turut sama didalam majlis akad nikah dan telah berwakil wali secara lisan dan mengizinkan perayu 2 bernikah kepada jurunikah iaitu imam Shamsudin bin Abu Bakar untuk menikahkan anaknya,oleh itu syarat wakalah dan rukun nikah telah dipenuhi.
- 2.Hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana telah gagal mengambilkira pengesahan dokumen perakuan nikah perayu-perayu bertarikh 4,Julai 2011 oleh Timbalan Yang di Pertua Majlis Agama Islam Narathiwat dan juga surat pengesahan Konsulat Malaysia bertarikh 10 Ogos 2011 dimana surat-surat pengesahan adalah satu bukti yang kuat yang menunjukkan wujudnya pernikahan perayu-perayu adalah sah di sisi Hukum Syarak.

3.Hakim bicara telah tersasar kerana menyatakan siasatan ke atas tauliah wali jurunikah telah mendapati jurunikah tersebut bukanlah seorang yang mempunyai tauliah nikah di daerah tersebut dan ianya tidak mempunyai syarat-syarat tauliah.Tauliah di dalam kes rayuan ini bukanlah isu yang wajar dibangkitkan dan juga Hakim bicara kurang jelas dan mengelirukan kerana Timbalan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Narathiwat dan Konsulat Malaysia sendiri telah mengesahkan kebenaran perkahwinan tersebut.

4.Hakim bicara tidak meneliti seksyen 63 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 berkenaan keterangan dokumentar semasa perbincangan.

5.Hakim bicara menekankan syarat wakil mestilah seorang yang berkeelayakan dan Hakim bicara telah gagal menilai kepentingan keterangan SP1 dan SP2 yang mengatakan Shamsudin bin Abu Bakar adalah imam kampung dan selalu menikahkan orang dan dinyatakan juga di dalam surat nikah jawatan Shamsudin bin Abu Bakar adalah seorang Imam yang telah pun memenuhi syarat.

6.Hakim bicara telah gagal menggunakan kaedah fiqhiyah iaituL”Al Baiyinah ala Al Muddai.”

Atas semua alasan rayuan di atas dipohon supaya Mahkamah Tinggi mengenepikan keseluruhan keputusan yang telah dibuat oleh Hakim bicara pada 21 November 2011.

Mahkamah akan membuat keputusan dan akan mengulas semua alasan rayuan yang telah difailkan ke Mahkamah. Bagi isu yang pertama berkenaan wakil wali, menurut rekod rayuan yang telah difailkan menunjukkan bahawa wujudnya wakalah wali secara lisan kerana wali bagi pihak perayu 2 adalah bapa kandungnya sendiri, walaupun tidak ada dokumen yang menunjukkan berlaku wakalah seperti kelaziman yang diamalkan dimahkamah tetapi harus dilihat kepada suasana majlis akadnikah kerana kehadiran wali dan wakalah secara lisan telah menunjukkan telah berlakunya wakalah secara nyata.

Mengikut rekod rayuan dan catitan hakim bicara ada dinyatakan”Manakala menurut keterangan SP 1 iaitu bapa kepada pemohon kedua(Perayu2) yang menjadi wali pernikahan menjelaskan beliau bersetuju anaknya dinikahkan dengan Perayu1 dan beliau juga mengenali dua orang saksi pernikahan tersebut SP1 yakin pernikahan yang dijalankan adalah sah.”

Catitan rekod hakim bicara diatas sepatutnya telah menyakinkan hakim bicara bahawa perkahwinan tersebut telah dijalankan secara yang sah menurut Hukum Syarak. Amat tidak wajar mahkamah tidak menerima keterangan ini kerana wali mujbir sendiri yang telah menyatakan persetujuan dan beliau juga telah berwakil wali kepada juru nikah iaitu imam tempat perayu2 berada.

Didalam rekod rayuan m/s 29 hakim bicara ada menyatakan”|Apa yang direkodkan oleh mahkamah hanya satu kesamaran tentang wali am ataupun jurunikah,dimana pemohon-pemohon tidak mengenali jurunikah dan **PK juga Cuma** keterangan saksi yang hadir masa pernikahan yang juga merupakan bapa kepada PK ,SP1 juga tidak mengingati ada wakil atau tidak.”

Hakim bicara sepatutnya tidak melihat kepada tauliah jurunikah kerana dalam Hukum Syarak wali mujbir boleh menikahkan anak daranya tanpa persetujuan daripadanya apatah lagi didalam kes ini pihak wali semasa memberi keterangan beliau sendiri yang telah mewakilkan untuk imam Shamsudin untuk menikahkan anaknya.

Di dalam undang-undang keluarga Islam Melaka seksyen 9 menyatakan “Tiap-tiap perkahwinan dibawah Enakmen ini hendaklah dinikahkan oleh;-

- (a) wali dihadapan pendaftar atau
- (b) wakil wali dihadapan dan dengan kebenaran pendaftar atau
- (c) Pendaftar sebagai wakil wali atau
- (d) Wali am

Hakim bicara sewajarnya melihat seksyen ini kerana susunan wali dan juga wali am sebagai seorang yang layak menikahkan pasangan

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

Islam,walaupun perkahwinan itu tidak dijalankan di negara ini tetapi perjalanan majlis pernikahan adalah sama kerana Hukum Syarak telahpun menetapkan seemikian

.

Isu tauliah wali am tersebut tidak wajar timbul kerana wali sendiri telah mewakili kepada jurunikah samaada bertauliah ataupun tidak tidaklah menjadi persoalan didalam kes yang wali mujbir telah mewakili kepada jurunikah tersebut.Tauliah akan menjadi isu sekiranya wali tidak berwakil ataupun jurunikah tidak berkelayakan untuk bertindak sebagai wali hakim,tetapi didalam kes rayuan ini isu tauliah wali hakim tidak berkaitan langsung.

Seksyen 63 Enakmen Keterangan Mahkamah Melaka tahun 2002 juga menjelaskan”Bilamana dikemukakan dihadapan mana-mana Mahkamah mana-mana dokumen yang berupa sebagai suatu rekod atau memorandum mengenai keterangan atau mengenai mana-mana bahagian keterangan yang telah diberikan oleh saksi dalam suantu prosiding kehakiman atau dihadapan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengambil keterangan itu.....

Seksyen ini juga sewajarnya diteliti oleh hakim bicara kerana semua keterangan yang telahpun diberikan oleh perayu-perayu dan saksi-saksinya adalah keterangan yang mwembolehkan Mahkamah membuat keputusan terhadap kes itu.

Di dalam seksyen 57 Enakmen yang sama juga menyatakan “Dokumen yang berikut ialah dokumen awam;

(a)dokumen yang mengandungi tindakan atau rekod tindakan-

(i)kuasa pemerentahan berdaulat;

(ii)badan rasmi dan tribunal dan

(iii)pegawai awam,perundangan,kehakiman dan eksekutif,sama ada bagi Persekutuan atau Negeri atau bagi Negara asing dan

(b)rekod awam yang disimpan diMalaysia mengenai dokumen persendirian.

Sekira seksyen di atas diteliti sewajarnya Mahkamah menerima dokumen yang telah dimasukkan sebagai eksibit keMahkamah yang mana ianya telahpun diberi pengiktirafan oleh undang-undang sebagai dokumen awam yang sewajar tidak menimbulkan masalah.Walaupun pada pandangan Mahkamah ini adalah tidak wajar memberi tumpuan kepada dokumen itu sahaja kerana ianya bukanlah perkara pokok yang patut dipertinbangkan kerana yang lebih penting adakah perkahwinan itu mempunyai rukun dan syarat sah yang membolehkan Mahkamah membuat pengesahan terhadap permohonan perayu-perayu.

Hakim bicara sewajarnya menerima semua dokumen awam tersebut sebagai salah satu daripada bahan bukti bagi menyakinkan Mahkamah kerana Mahkamah sepatutnya memberi pengiktirafan kehakiman terhadap dokumen tersebut kerana ianya telahpun disahkan oleh pihak berkuasa wilayah Narathiwat walaupun bukan daripada Malaysia kerana undang-undang telah menyatakan bahawa Mahkamah sewajarnya menerima dokumen tersebut.mahkamah boleh menolak dokumen itu sekiranya terdapat salah fakta ataupun penipuan apabila Mahkamah menyiasat dengan teliti dokumen yang telah difailkan.

Perkara yang berkaitan dengan wakil wali dan kelayakannya adalah satu perkara yang wajar diambil perhatian oleh Mahkamah kerana apabila wali mujbir telah memberi wakil maka sahlah wakil tersebut kerana menjadi tanggungjawab wali untuk mewakilkan pernikahan anaknya jika wali tersebut tidak mampu untuk mengakadnikahkan anaknya sendiri.Menurut keterangan SP1 dan SP2 jurunikah adalah seorang Imam kampung yang selalunya menakadnikahkan semua pasangan bagi kampungnya dan itulah yang berlaku disemua tempat kerana tugas seorang Imam adalah juga sebagai jurunikah bagi kampungnya.

Adalah tidak munasabah pihak wali mewakilkan kepada orang lain kerana jika pun berwakil kepada orang lain pun membolehkan wakil itu menjadi orang yang membolehkan dia mengakadnikahkan sseorang perempuan tersebut,apatah lagi jurunikah adalah seorang Imam yang diberi pengiktirafan oleh pihak berkuasa narathiwat melalui surat pengesahan pihak Majlis Agama Islam Narathiwat dan juga pengiktirafan oleh pihak berkuasa konsulat Malaysia disana.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Adalah menjadi beban membuktikan kepada perayu-perayu kerana mereka berdualah yang bertanggungjawab untuk membawa semua keterangan untuk menyokong tuntutan tersebut. Pada pandangan mahkamah ini pihak perayu-perayu telah berjaya membuktikan kes tuntutan mereka kerana semua bukti-bukti yang ditunjukkan dan juga keterangan lisan boleh menyakinkan Mahkamah dan juga telah memenuhi konsep Al Baiyyinah ala Muddai kerana pada pandangan mahkamah juga bukti-bukti dokumen juga telah cukup meyakinkan Mahkamah.

Hakim bicara sewajarnya menerima semua keterangan yang telahpun dikemukakan bagi menyokong tuntutan pihak perayu-perayu. Adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menilai semua keterangan yang diberikan tanpa melihat kepada perkara yang tidak ada kaitan dengan tuntutan pihak perayu-perayu.

Didalam alas an penghakiman yang telah dibuat oleh hakim bicara bahawa rukun dan syarat-syaratnya telah pun diulas oleh hakim bicara dan itulah yang sepatutnya dinilai berdasarkan Hukum Syarak kerana rukun nikah telah dipenuhi iaitu seorang lelaki, seorang perempuan, wali dua orang saksi dan ijab dan qabul. Pada pandangan Mahkamah ini Hakim bicara sewajarnya menilai setiap rukun nikah tersebut adakah ianya telah dipenuhi ataupun tidak dan diulas oleh hakim sendiri ianya telahpun dipenuhi. Lafaz ijab qabul juga telah berlaku didalam majlis tersebut dan pada pandangan Mahkamah ianya tidak wajar dipertikaikan lagi dan sewajarnya Mahkamah meluluskan permohonan tersebut dan bukan sebaliknya.

Didalam sebuah Hadith riwayat Abu daud dan Tarmizi Nabi S.A.W ada bersabda

“لا نكح الا بولي“

Yang bermaksud”tidak sah nikah, melainkan dengan wali,”

Didalam sebuah Hadith riwayat Ibnu Majah dan Daruqutni Nabi SAW ada bersabda”

“لا تَزُوجِ الْمَرْأَةَ الْمَرْأَةَ وَلَا تَزُوجِ الْمَرْأَةَ نَفْسَهَا”

Yang bermaksud”Janganlah perempuan menikahkan perempuan yang lain dan jangan pula seorang perempuan menikahkan dirinya sendiri.”

Dua hadith diatas telah memberikan panduan kepada kita bahawa seseorang perempuan itu tidak boleh berkahwin dengan seorang lelaki melainkan dengan adanya walinya yang sah. Didalam kes rayuan ini wali sebenar adalah bapa ataupun wali mujbir yang lebih baik menikahkan anaknya dan jika tidak berkemampuan bolehlah mewakili kepada sesiapa yang diyakini boleh mengakadkan nikah anak perempuannya.

Kes rayuan ini jurunikah adalah seorang yang diyakini oleh wali mujbir untuk mengakadnikah anaknya adalah suatu yang lazim berlaku dimanamana.

Mengikut Kitab Al Ahkam Addliyah m.s 477(bab syarat-syarat wakalah) “ada dinyatakan bahawa syarat bagi pewakil itu hendaklah berupaya melakukan kerja yang diberikan kepada wakil dan dinyatakan juga bahawa tidak sah berwakil kepada kanak-kanak dan orang gila.”

Berpandukan nas kitab diatas jelaslah bahawa penerima wakil didalam kes ini adalah seorang yang berkelayakan untuk menjalankan tugas yang diwakilkan kepadanya. Oleh itu tidak akan timbul lagi tauliah imam tersebut kerana tugasnya ialah menerima wakil daripada wali mujbir dan hanya menjalankan akadnikah sahaja.

Pada pandangan Mahkamah ini keadaan tauliah nikah pada juru nikah tidak ada kaitan kerana wujudnya wakalah secara langsung kerana wali mujbir ada bersama didalam majlis akad tersebut.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Pengiktirafan perkahwinan sewajarnya diterima kerana telah memenuhi syarat-syarat

Yang telahpun dihuraikan diatas berdasarkan nas-nas syarak dan undang-undang.

Berdasarkan semua alasan yang telah dikemukakan diatas mahkamah membuat keputusan seperti berikut:-

- 1.Rayuan perayu-perayu diterima.
- 2,Hukuman atau perintah hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin bertarikh 21 November 2011 dibatalkan.
- 3.Mahkamah dengan ini mensabitkan dan mengesahkan bahawa perkahwinan perayu (1) dengan perayu(2) pada 7 April 2005 adalah sah pada Hukum Syarak.
- 4.Perkahwinan perayu-perayu hendaklah didaftarkan.
- 5.Surat nikah Wilayah Narathiwat bil;5402908 bertarikh 7April 2005 dibatalkan.

Hakim

9/12/2012